



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 66
No. 16

1hb Ogos 2013

*TAMBAHAN No. 16
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 63.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PEMULIHAN DAN
PENGAWALAN *RIQAB* (NEGERI SELANGOR) 2013

Sel. P.U. 63.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PEMULIHAN DAN
PENGAWALAN *RIQAB* (NEGERI SELANGOR) 2013

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan pemulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA *RIQAB*

4. Penubuhan Jawatankuasa *Riqab*
5. Keanggotaan Jawatankuasa *Riqab*
6. Tempoh jawatan Jawatankuasa *Riqab*
7. Pengosongan keanggotaan Jawatankuasa *Riqab*
8. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan Jawatankuasa *Riqab*
9. Pelantikan anggota gantian Jawatankuasa *Riqab*
10. Fungsi Jawatankuasa *Riqab*
11. Mesyuarat Jawatankuasa *Riqab*
12. Kuorum
13. Notis
14. Kehadiran wakil
15. Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat Jawatankuasa *Riqab*
16. Minit
17. Elaun Jawatankuasa *Riqab*

BAHAGIAN III

LEMBAGA PELAWAT *RIQAB*

Peraturan

18. Penubuhan Lembaga Pelawat *Riqab*
19. Keanggotaan Lembaga Pelawat *Riqab*
20. Tempoh jawatan anggota Lembaga Pelawat *Riqab*
21. Pengosongan keanggotaan Lembaga Pelawat *Riqab*
22. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan Lembaga Pelawat *Riqab*
23. Pelantikan anggota gantian Lembaga Pelawat *Riqab*
24. Fungsi Lembaga Pelawat *Riqab*
25. Elaun Lembaga Pelawat *Riqab*

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN *RIQAB* DAN RUMAH PEMULIHAN *RIQAB*

26. Pendaftar *Riqab*
27. Daftar *Riqab*
28. Daftar Rumah Pemulihan *Riqab*
29. Bantuan kepada *Riqab*
30. Pendaftaran Rumah Pemulihan
31. Syarat-syarat untuk dikenakan

BAHAGIAN V

KAWALAN *RIQAB*

32. Pelantikan pegawai
33. Kuasa Majlis dan pegawai diberi kuasa
34. Fungsi dan tanggungjawab Rumah Pemulihan *Riqab*
35. Pentadbiran Rumah Pemulihan *Riqab*

BAHAGIAN VI

PEMBATALAN PENDAFTARAN *RIQAB*

36. Pembatalan Pendaftaran seseorang sebagai *Riqab*
37. Kesan Pembatalan Pendaftaran seseorang sebagai *Riqab*

BAHAGIAN VII

PEMBATALAN PENDAFTARAN RUMAH PEMULIHAN *RIQAB*

Peraturan

38. Pembatalan Pendaftaran Pemulihan *Riqab*
49. Kesan Pembatalan Pendaftaran Pemulihan *Riqab*

BAHAGIAN VIII

KEWANGAN

40. Peruntukan kewangan
41. Laporan Kewangan
42. Pembukaan Akaun Bank
43. Pemeriksaan dan Audit

BAHAGIAN X

PELBAGAI

44. Rayuan kepada Majlis
45. Pengecualian
46. Arahan Majlis

JADUAL

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PEMULIHAN DAN
PENGAWALAN *RIQAB* (NEGERI SELANGOR) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 122(2)(k), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1/2003*], Majlis Agama Islam Selangor dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan *Riqab* (Negeri Selangor) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2013.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi mana-mana *Riqab* yang bermastautin di negeri Selangor, Rumah Pemulihan *Riqab* dan termasuklah kepada Rumah Pemulihan dan Rumah Perlindungan yang ditubuhkan oleh Majlis.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Jawatankuasa *Riqab*” ertinya Jawatankuasa *Riqab* Negeri Selangor yang ditubuhkan di bawah Peraturan 4;

“Lembaga Pelawat *Riqab*” ertinya Lembaga Pelawat *Riqab* yang ditubuhkan di bawah Peraturan 18;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003;

“Pegawai” ertinya semua kategori pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Majlis yang dilantik oleh Majlis secara tetap, sementara atau kontrak;

“pemulihan” ertinya proses pemulihan melalui latihan dan aktiviti-aktiviti yang tertentu berasaskan modul, kaunseling atau khidmat nasihat yang teratur bagi mengubah tingkahlaku negatif dan membangunkan peribadi di kalangan *Riqab*;

“Pengusaha” ertinya penyelia, pengurus atau apa-apa nama yang diberikan bagi seseorang yang mengetuai sesuatu pengurusan Rumah Pemulihan *Riqab*;

“Pendaftar *Riqab*” ertinya seseorang yang dilantik oleh Majlis di bawah peraturan 26 dan termasuklah Ketua Pendaftar *Riqab*;

“perlindungan” ertinya melindungi *Riqab* melalui kaedah yang tertentu bagi memastikan penyakit atau masalah yang sedang membelenggu daripada merebak kepada orang lain dan proses pembebasan masalah yang sedang membelenggu berjaya dilaksanakan.

“rawatan” ertinya proses penyembuhan secara klinikal dan rohaniyah melalui agensi yang mempunyai bidangkuasa ke atas *Riqab* bagi menyembuhkan penyakit yang sedang dihadapi;

“*Riqab*” ertinya seseorang beragama Islam yang terbelenggu di bawah satu kuasa yang menghalang kebebasan dirinya dan tidak berkemampuan untuk membebaskan dirinya daripada kebelengguan tersebut seperti yang disenaraikan dalam Jadual atau apa-apa tafsiran lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa, termasuklah—

- (a) sama ada yang berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan ini;
- (b) Rumah Pemulihan Majlis;
- (c) Rumah Perlindungan Majlis; atau
- (d) Rumah Pemulihan *Riqab*;

“Rumah Perlindungan Majlis ” ertinya mana-mana Rumah Perlindungan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan dimiliki oleh Majlis;

“Rumah Pemulihan” ertinya mana-mana Rumah Pemulihan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang memberikan pemulihan, rawatan dan perlindungan terhadap *Riqab* dan belum berdaftar di bawah Majlis;

“Rumah Pemulihan *Riqab*” ertinya mana-mana Rumah Pemulihan *Riqab* yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan berdaftar di bawah Majlis di bawah peraturan 31 yang memberikan pemulihan, rawatan dan perlindungan terhadap *Riqab*;

“Rumah Pemulihan Majlis” ertinya mana-mana Rumah Pemulihan yang ditubuhkan di bawah seksyen 53, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 [*En. No. 9/1995*].

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA *RIQAB***Penubuhan Jawatankuasa *Riqab***

4. Majlis hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa *Riqab* yang menguruskan apa-apa perkara yang berhubungan dengan *Riqab* dan hendaklah dianggap telah ditubuhkan di bawah seksyen 27 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. No. 1/2003*].

Keanggotaan Jawatankuasa *Riqab*

5. (1) Jawatankuasa *Riqab* hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi daripada kalangan ahli Majlis;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya; dan
- (d) tidak kurang daripada empat orang yang layak dan sesuai, yang dilantik oleh Majlis, sekurang-kurangnya tiga daripada mereka hendaklah yang arif dalam *Hukum Syarak*.

(2) Ketua Pendaftar *Riqab* atau Pegawai yang dilantik oleh Majlis hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa *Riqab*.

(3) Setiausaha hendaklah menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa *Riqab* dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitiannya, tetapi tidak boleh mengundi.

Tempoh jawatan Jawatankuasa *Riqab*

6. (1) Anggota Jawatankuasa *Riqab* yang dilantik di bawah subperaturan 5(1) hendaklah memegang jawatan selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(2) Pelantikan semula anggota yang dilantik hendaklah dibuat dalam tempoh tiga bulan sebelum tamat tempoh pelantikannya.

Pengosongan keanggotaan Jawatankuasa *Riqab*

7. Keanggotaan seseorang ahli Jawatankuasa *Riqab* hendaklah menjadi kosong—

- (a) jika dia meninggal dunia;
- (b) jika peletakan jawatannya melalui notis secara bertulis yang dikemukakan kepada Majlis di bawah subperaturan 8(2) diterima;
- (c) apabila tamat tempoh jawatannya; atau

- (d) jika dia tidak berada di Malaysia selama tempoh melebihi tiga bulan tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi Jawatankuasa *Riqab*.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan Jawatankuasa *Riqab*

8. (1) Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa *Riqab* jika—

- (a) dia telah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah di mana-mana mahkamah;
- (b) kelakuannya, sama ada pemulihan berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Jawatankuasa *Riqab* atau selainnya, adalah kelakuan yang memburukkan nama Majlis atau Jawatankuasa *Riqab*;
- (c) dia diisytiharkan bankrap;
- (d) dia tidak berupaya menjalankan tugasnya dengan sempurna sebagai anggota Jawatankuasa *Riqab*;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah; atau
- (f) Majlis, atas apa-apa alasan lain, mendapati bahawa dia tidak lagi sesuai atau layak menjadi anggota Jawatankuasa *Riqab*.

(2) Seseorang anggota Jawatankuasa *Riqab* yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(d), boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan satu bulan notis secara bertulis kepada Majlis.

Pelantikan anggota gantian Jawatankuasa *Riqab*

9. (1) Majlis boleh melantik mana-mana orang untuk mengisi kekosongan mana-mana anggota yang pelantikannya tamat di bawah peraturan 7 atau 8.

(2) Seseorang yang dilantik di bawah subperaturan (1) hendaklah memegang jawatannya hanya selama baki tempoh jawatan anggota yang digantinya.

Fungsi Jawatankuasa *Riqab*

10. Fungsi jawatankuasa adalah seperti berikut:

- (a) membantu menasihati Majlis dalam apa-apa perkara yang berkaitan dengan *Riqab* serta pengurusan dan pentadbiran sesuatu Rumah Pemulihan Majlis, Rumah Perlindungan Majlis dan Rumah Pemulihan *Riqab*;
- (b) melantik Ahli Lembaga Pelawat *Riqab*;
- (c) mengesyorkan penubuhan Rumah Pemulihan Majlis dan Rumah Perlindungan Majlis;
- (d) meluluskan apa-apa permohonan daripada mana-mana pihak untuk berdaftar sebagai Rumah Pemulihan *Riqab* di bawah Majlis;

- (e) membatalkan pendaftaran mana-mana Rumah Pemulihan *Riqab* daripada Daftar *Riqab*;
- (f) memantau aktiviti pemulihan, pengurusan dan peruntukan kewangan yang disalurkan oleh Lembaga Zakat Selangor kepada Rumah Pemulihan *Riqab*;
- (g) mengesyorkan cadangan, semakan dan pindaan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan *Riqab* mengikut keperluan semasa;
- (h) menyemak dan memperakukan laporan Lembaga Pelawat *Riqab*;
- (i) menyemak dan memperakukan modul pemulihan yang digunakan kepada *Riqab*;
- (j) merancang dan mencadangkan kepada Majlis apa-apa perkara yang berkaitan dengan pencegahan dan pemulihan *Riqab*;
- (k) merancang dan mencadangkan kepada Majlis apa-apa perkara lain yang perlu berkaitan dengan hal ehwal *Riqab*; dan
- (l) menerima dan melaksanakan apa-apa arahan yang diberikan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Mesyuarat Jawatankuasa *Riqab*

11. (1) Semua mesyuarat Jawatankuasa *Riqab* hendaklah dipanggil oleh Setiausaha atas arahan Pengerusi.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa *Riqab*.

(3) Jika Pengerusi tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Jawatankuasa *Riqab* hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali dalam setahun.

(5) Walau apa pun subperaturan (4), Pengerusi boleh, pada bila-bila masa mengarahkan Setiausaha memanggil mesyuarat, jika perlu.

(6) Semua keputusan mesyuarat Jawatankuasa *Riqab* hendaklah dibuat secara persetujuan atau melalui ketetapan majoriti anggota yang hadir dan berhak mengundi dan jika terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

Kuorum

12. Tiga orang anggota Jawatankuasa *Riqab*, termasuklah Pengerusi hendaklah membentuk kuorum mesyuarat.

Notis

13. (1) Notis bertulis hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat.

(2) Walau apapun subperaturan (1), Pengerusi boleh memanggil suatu mesyuarat dengan notis yang lebih singkat jika difikirkannya perlu.

Kehadiran wakil

14. Jika seseorang anggota atas nama jawatan di bawah perenggan 5(1)(d) tidak dapat menghadiri sesuatu mesyuarat, anggota itu hendaklah diwakili oleh wakil tetap yang merupakan pegawai beragama Islam yang paling kanan di jabatan atau bahagian yang sama dengannya dalam mesyuarat itu dan berhak mengundi.

Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat Jawatankuasa *Riqab*

15. (1) Pengerusi boleh menjemput mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian Jawatankuasa *Riqab* bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan *Riqab* yang sedang dibincangkan.

(2) Mana-mana orang yang hadir sedemikian di bawah subperaturan (1) tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

Minit

16. (1) Setiausaha Jawatankuasa *Riqab* hendaklah menyebabkan minit bagi semua mesyuarat disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya dan pada tiap-tiap kali mesyuarat, minit mesyuarat yang sebelumnya hendaklah dibaca dan disahkan tertakluk kepada pindaan, jika ada.

(2) Minit bagi semua mesyuarat hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi.

(3) Satu salinan minit mesyuarat hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Majlis.

Elaun Jawatankuasa *Riqab*

17. Tiap-tiap anggota Jawatankuasa *Riqab* termasuk Setiausaha atau mana-mana orang lain boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

BAHAGIAN III

LEMBAGA PELAWAT *RIQAB***Penubuhan Lembaga Pelawat *Riqab***

18. Jawatankuasa *Riqab* hendaklah menubuhkan suatu Lembaga Pelawat untuk melawat, memantau, dan membimbing mana-mana Rumah Pemulihan Majlis, Rumah Perlindungan Majlis dan Rumah Pemulihan *Riqab*.

Keanggotaan Lembaga Pelawat *Riqab*

19. Lembaga Pelawat *Riqab* hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang anggota yang dilantik oleh Jawatankuasa *Riqab*.

Tempoh jawatan anggota Lembaga Pelawat *Riqab*

20. (1) Anggota Lembaga Pelawat *Riqab* yang dilantik di bawah peraturan 19 hendaklah memegang jawatan selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(2) Pelantikan semula anggota Lembaga Pelawat *Riqab* yang dilantik hendaklah dibuat dalam tempoh tiga bulan sebelum tamat tempoh pelantikannya.

Pengosongan keanggotaan Lembaga Pelawat *Riqab*

21. Keanggotaan seseorang ahli Lembaga Pelawat *Riqab* hendaklah menjadi kosong—

- (a) jika dia meninggal dunia;
- (b) jika peletakan jawatannya melalui notis secara bertulis yang dikemukakan kepada Majlis di bawah subperaturan 22(2) diterima;
- (c) apabila tamat tempoh jawatannya; atau
- (d) jika dia tidak berada di Malaysia selama tempoh melebihi tiga bulan tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi Jawatankuasa *Riqab*.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan Lembaga Pelawat *Riqab*

22. (1) Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Lembaga Pelawat *Riqab* jika—

- (a) dia telah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah di mana-mana mahkamah;
- (b) kelakuannya, sama ada berkaitan dengan kewajibannya sebagai anggota Lembaga Pelawat *Riqab* atau selainnya, adalah kelakuan yang memburukkan nama Majlis atau Jawatankuasa *Riqab*;
- (c) dia diisytiharkan bankrap;

- (d) dia tidak berupaya menjalankan tugasnya dengan sempurna sebagai anggota Lembaga Pelawat *Riqab*;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah; atau
- (f) Majlis, atas apa-apa alasan lain, mendapati bahawa dia tidak lagi sesuai atau layak menjadi anggota Lembaga Pelawat *Riqab*.

(2) Seseorang anggota Lembaga Pelawat *Riqab* yang dilantik di bawah peraturan 19 boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan satu bulan notis secara bertulis kepada Majlis.

Pelantikan anggota gantian Lembaga Pelawat *Riqab*

23. (1) Majlis boleh melantik mana-mana orang untuk mengisi kekosongan mana-mana anggota yang pelantikannya tamat di bawah peraturan 21 atau 22.

(2) Seseorang yang dilantik di bawah subperaturan (1) hendaklah memegang jawatannya hanya selama baki tempoh jawatan anggota yang digantinya.

Fungsi Lembaga Pelawat *Riqab*

24. Fungsi Lembaga Pelawat *Riqab* ke atas Rumah Pemulihan Majlis, Rumah Perlindungan Majlis dan Rumah Pemulihan *Riqab* adalah seperti berikut:

- (a) membuat lawatan, pemantauan dan bimbingan;
- (b) merancang dan mencadangkan program *Riqab*;
- (c) merancang dan mencadangkan kepada Jawatankuasa *Riqab* apa-apa perkara lain yang perlu berkaitan dengan *Riqab*;
- (d) mengesyorkan kepada Jawatankuasa *Riqab* bahawa seseorang *Riqab* itu bukan lagi dikategorikan sebagai *Riqab*; dan
- (e) mengemukakan laporan yang diarahkan oleh Jawatankuasa *Riqab* dari semasa ke semasa.

Elaun Lembaga Pelawat *Riqab*

25. Tiap-tiap anggota Lembaga Pelawat *Riqab* boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN *RIQAB* DAN RUMAH PEMULIHAN *RIQAB*

Pendaftar *Riqab*

26. (1) Majlis hendaklah melantik seorang Ketua Pendaftar *Riqab* dan Pendaftar-Pendaftar *Riqab* untuk menyenggarakan suatu Daftar *Riqab* dalam bentuk yang ditetapkan untuk pendaftaran *Riqab*.

(2) Butiran berkenaan dengan *Riqab* di dalam Daftar *Riqab* hanya boleh dipinda dan dibatalkan oleh Pendaftar *Riqab*.

Daftar *Riqab*

27. (1) Pendaftar hendaklah memastikan supaya suatu Daftar *Riqab* disimpan dalam apa-apa bentuk.

(2) Daftar *Riqab* hendaklah mengandungi butiran berikut:

(a) maklumat peribadi *Riqab*; dan

(b) apa-apa butiran lain yang difikirkan perlu oleh Majlis.

(3) Pendaftar hendaklah mengeluarkan Perakuan Pendaftaran dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis.

Daftar Rumah Pemulihan *Riqab*

28. (1) Pendaftar hendaklah memastikan supaya suatu Daftar Rumah Pemulihan *Riqab* disimpan dalam apa-apa bentuk.

(2) Daftar Rumah Pemulihan *Riqab* hendaklah mengandungi butiran berikut:

(a) maklumat peribadi Pengusaha;

(b) alamat Pengusaha dan alamat Rumah Pemulihan *Riqab* itu; dan

(c) apa-apa butiran lain yang difikirkan perlu oleh Majlis.

(3) Pendaftar hendaklah mengeluarkan Perakuan Pendaftaran dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis.

Bantuan kepada *Riqab*

29. (1) Seseorang *Riqab* hanya layak mendapat bantuan pemulihan apabila—

(a) berdaftar dengan Peraturan-Peraturan ini;

(b) dengan perintah mahkamah; atau

(c) secara sukarela mendaftar masuk mana-mana Rumah Pemulihan Majlis dan Rumah Pemulihan *Riqab*.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pendaftar *Riqab* boleh, menurut budi bicaranya, memberikan apa-apa bantuan yang difikirkan perlu kepada *Riqab* yang masih dalam proses pendaftaran *Riqab* di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Kesan daripada pendaftaran ini maka seseorang *Riqab* layak untuk mendapat rawatan, pemulihan atau perlindungan bagi membebaskan dirinya daripada status *Riqab*.

Pendaftaran Rumah Pemulihan

30. (1) Sesuatu permohonan untuk pendaftaran sesuatu Rumah Pemulihan hendaklah menggunakan borang yang telah ditetapkan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh mempertimbangkan sama ada untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan untuk mendaftarkan Rumah Pemulihan di bawah Majlis.

(3) Bagi maksud mempertimbangkan sesuatu permohonan untuk pendaftaran sesuatu Rumah Pemulihan, Majlis boleh—

- (a) pada bila-bila masa dengan kebenaran pengusaha atau wakil Rumah Pemulihan memasuki dan memeriksa premis Rumah Pemulihan itu untuk memastikan bahawa Rumah Pemulihan itu layak didaftarkan di bawah Majlis; dan
- (b) menghendaki Rumah Pemulihan itu memberi kepadanya apa-apa maklumat tambahan dan butir-butir sebagaimana yang perlu.

(4) Tanpa menjejaskan keluasan kuasanya di bawah subperaturan (2), Majlis boleh menolak permohonan pendaftaran mana-mana Rumah Pemulihan jika apa-apa kehendak undang-undang yang berhubung dengan pengendalian Rumah Pemulihan itu atau yang berhubung dengan premisnya belum dipatuhi.

Syarat-syarat untuk dikenakan

31. Majlis, apabila mendaftar sesuatu Rumah Pemulihan *Riqab*, boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu dan sesuai, termasuklah syarat-syarat—

- (a) untuk memastikan sumbangan yang diberikan digunakan untuk tujuan pemulihan, rawatan dan perlindungan *Riqab* mengikut hukum syarak;
- (b) untuk memastikan bahawa perkhidmatan yang disediakan oleh Rumah Pemulihan *Riqab* termasuk kawalan, penyeliaan, layanan dan latihan terhadap penghuni Rumah Pemulihan *Riqab* itu diberi dengan baik; dan
- (c) untuk memastikan Rumah Pemulihan *Riqab* melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya selaras dengan Peraturan-Peraturan ini.

BAHAGIAN V

KAWALAN *RIQAB*

Pelantikan Pegawai

32. Majlis boleh melantik beberapa pegawai yang difikirkan perlu bagi maksud Peraturan-Peraturan ini atau untuk membantu Majlis mentadbir dan mengurus *Riqab* dan Rumah Pemulihan *Riqab*, Rumah Pemulihan Majlis dan Rumah Perlindungan Majlis.

Kuasa Majlis dan pegawai diberi kuasa

33. (1) Majlis dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis, boleh pada bila-bila masa memastikan *Riqab* melaksanakan tanggungjawabnya untuk—

- (a) mengikuti program kesihatan yang telah ditetapkan;
- (b) menghadiri semua program pemulihan mengikut jadual yang ditetapkan;
- (c) menggunakan bantuan kebajikan yang diterima sebagaimana yang sepatutnya; dan
- (d) mematuhi perkara-perkara lain yang diputuskan oleh Majlis.

(2) Majlis dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis boleh, pada bila-bila masa dengan kebenaran Pengusaha atau wakilnya memasuki dan memeriksa premis Rumah Pemulihan *Riqab* itu untuk memastikan bahawa—

- (a) kesihatan dan kesejahteraan penghuni dan orang yang diterima untuk pemulihan, perlindungan dan rawatan di Rumah Pemulihan *Riqab* itu dijaga dengan memuaskan;
- (b) daftar, rekod dan akaun yang sepatutnya ada disenggarakan;
- (c) kemudahan yang disediakan mencukupi dan sesuai;
- (d) premis Rumah Pemulihan *Riqab* itu disenggarakan dengan baik tentang keadaan binaannya dan kebersihannya;
- (e) langkah berjaga-jaga yang sewajarnya diambil terhadap kebakaran atau kejadian lain yang berkemungkinan membahayakan nyawa atau kesihatan penghuni Rumah Pemulihan *Riqab* itu; dan
- (f) perkara lain yang diputuskan oleh Majlis dilaksanakan dengan teratur.

Fungsi dan tanggungjawab Rumah Pemulihan *Riqab*

34. Setiap Rumah Pemulihan *Riqab* hendaklah bertanggungjawab melaksanakan tanggungjawab berikut:

- (a) memberikan pemulihan, rawatan dan perlindungan kepada *Riqab*;
- (b) menjaga pemulihan penghuninya atau orang yang diterima dengan cara yang sepatutnya;
- (c) meningkatkan kemajuan penghuni Rumah Pemulihan *Riqab* melalui pelaksanaan aktiviti pembangunan modal Insan dengan pendekatan *dakwah bil hikmah* serta penggunaan kewangan yang cekap dan optimum;
- (d) melaksana dan menyelaras aktiviti atau program Rumah Pemulihan *Riqab* dengan teratur;
- (e) memaklumkan kepada Majlis pertukaran alamat dan apa-apa perubahan yang berlaku di Rumah Pemulihan *Riqab*;

- (f) mengemukakan laporan bulanan pada masa yang ditetapkan kepada Majlis jumlah bilangan penghuni, penyata kewangan dan aktiviti yang dijalankan;
- (g) menjaga nama baik Majlis sebagai badan yang memberi sumbangan dan bantuan kepada Rumah Pemulihan *Riqab*;
- (h) membuat prosedur-prosedur keselamatan nyawa dan harta benda di dalam Rumah Pemulihan *Riqab*;
- (i) mematuhi segala kehendak undang-undang yang berkuat kuasa dan mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan yang berhubung dengan pengurusan Rumah Pemulihan *Riqab*; dan
- (j) melaksanakan dan mematuhi apa-apa arahan Majlis yang berhubung dengan pengurusan Rumah Pemulihan *Riqab*.

Pentadbiran Rumah Pemulihan *Riqab*

35. Majlis atas nasihat Jawatankuasa *Riqab* hendaklah memastikan bahawa tiap-tiap Rumah Pemulihan *Riqab* ditadbirkan mengikut Peraturan-Peraturan ini.

BAHAGIAN VI

PEMBATALAN PENDAFTARAN *RIQAB*

Pembatalan pendaftaran seseorang sebagai *Riqab*

36. Seseorang *Riqab* yang telah berjaya dipulihkan sehingga bebas dari apa-apa perkara yang membelenggu akan dirinya boleh dikeluarkan daripada senarai Daftar *Riqab*.

Kesan pembatalan pendaftaran *Riqab*

37. Kesan pembatalan pendaftaran *Riqab* di bawah peraturan 36, Majlis boleh memberhentikan peruntukan kewangan dan apa-apa bantuan yang diberikan.

BAHAGIAN VII

PEMBATALAN PENDAFTARAN RUMAH PEMULIHAN *RIQAB*

Pembatalan Pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab*

38. (1) Majlis boleh membatalkan pendaftaran sesuatu Rumah Pemulihan *Riqab* jika—

- (a) Rumah Pemulihan *Riqab* tersebut dibatalkan pendaftarannya oleh mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa;

- (b) berlaku apa-apa pelanggaran, atau ketidakpatuhan mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau arahan Majlis oleh Rumah Pemulihan *Riqab*;
- (c) Majlis di atas budi bicaranya berpendapat adalah wajar untuk membatalkan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab* atas kepentingan umum;
- (d) Pengusaha Rumah Pemulihan *Riqab* telah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah; atau
- (e) berlaku penyalahgunaan kewangan yang disalurkan kepada Rumah Pemulihan *Riqab* sama ada yang diberikan oleh Majlis atau agensi lain.

(2) Sebarang pelanggaran peraturan di dalam Peraturan-Peraturan ini oleh Rumah Pemulihan *Riqab* membolehkan Majlis memberi notis bertulis kepada Rumah Pemulihan *Riqab* dengan menyatakan pelanggaran peraturan yang berkaitan di dalam Peraturan-Peraturan ini dan menghendaki Rumah Pemulihan *Riqab* meremedikan pelanggaran peraturan itu atau memberikan penjelasan bertulis dalam tempoh masa tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh Rumah Pemulihan *Riqab* menerima notis bertulis tersebut atau tempoh lain sebagaimana yang dipersetujui oleh Majlis.

(3) Jika Rumah Pemulihan *Riqab* gagal untuk meremedikan keingkaran berkaitan atau memberikan penjelasan yang munasabah dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam notis bertulis tersebut atau dalam tempoh masa yang lebih lama sebagaimana yang dipersetujui oleh Majlis, Majlis boleh dengan arahan bertulis, berkuat kuasa dari tarikh yang ditetapkan, membatalkan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab* berkenaan dan memberi apa-apa arahan sampingan sewajarnya.

(4) Walau apa pun subperaturan (1), Majlis boleh membatalkan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab* tanpa memberi apa-apa alasan.

Kesan pembatalan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab*

39. (1) Dengan pembatalan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab* Majlis berhak—

- (a) memberhentikan serta-merta segala peruntukan kewangan;
- (b) segala kuasa dan hak yang diberikan oleh Majlis di dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah tamat dengan serta-merta; dan
- (c) Majlis boleh melaporkan dan mengesyorkan kepada mana-mana pihak berkuasa untuk menghentikan operasi Rumah Pemulihan *Riqab* dan membubarkan pertubuhan Rumah Pemulihan *Riqab* tersebut.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Majlis hendaklah mengambil apa-apa langkah bagi melindungi *Riqab* di Rumah Pemulihan tersebut.

BAHAGIAN VIII

KEWANGAN

Peruntukan kewangan

40. Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis, Majlis hendaklah memperuntukkan sejumlah wang melalui Lembaga Zakat Selangor bagi membantu proses pemulihan *Riqab* dan melaksanakan fungsi, tanggungjawab dan aktiviti Rumah Pemulihan *Riqab*.

Laporan Kewangan

41. Setiap Rumah Pemulihan *Riqab* hendaklah menyediakan dan mengemukakan laporan kewangan atau akaun yang telah diauditkan kepada Majlis pada atau sebelum 31 Disember setiap tahun.

Pembukaan Akaun Bank

42. Setiap Rumah Pemulihan *Riqab* hendaklah membuka dan mengendalikan akaun berdasarkan perbankan Islam di mana-mana bank atas nama pertubuhan Rumah Pemulihan *Riqab* itu.

Pemeriksaan dan Auditan

43. Pada bila-bila masa yang munasabah, Majlis atau Jawatankuasa atau Pegawai Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis boleh—

- (a) memeriksa mana-mana Rumah Pemulihan *Riqab* dan segala rekod kewangan serta dokumen lain Rumah Pemulihan *Riqab*;
- (b) memeriksa pelaksanaan fungsi Rumah Pemulihan *Riqab*; dan
- (c) menghendaki mana-mana anggota Rumah Pemulihan *Riqab* itu supaya menyediakan rekod kewangan atau dokumen lain yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan ini untuk diperiksa, dan Rumah Pemulihan *Riqab* itu hendaklah mematuhi kehendak sedemikian.

BAHAGIAN IX

PELBAGAI

Rayuan kepada Majlis

44. Mana-mana Pengusaha Rumah Pemulihan *Riqab* yang diambil tindakan oleh Majlis di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh dia diberitahu tentang keputusan atau tindakan itu, merayu secara bertulis kepada Majlis, dan keputusan Majlis dalam perkara ini adalah muktamad.

Pengecualian

45. (1) Majlis boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut, mengecualikan mana-mana Rumah Pemulihan *Riqab* daripada mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau apa-apa arahan yang dibuat di bawahnya, jika Majlis berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan khas, dan bahawa ia tidaklah berlawanan dengan kepentingan awam dan Hukum Syarak, untuk berbuat demikian.

(2) Bahagian IV, V, VII dan VIII hendaklah dikecualikan kepada Rumah Pemulihan *Riqab* yang ditubuhkan oleh Majlis.

Arahan Majlis

46. Walau apa pun, Majlis boleh dari semasa ke semasa memberi arahan kepada mana-mana Rumah Pemulihan *Riqab* mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Rumah Pemulihan *Riqab*, dan Rumah Pemulihan *Riqab* itu hendaklah mematuhi arahan tersebut.

JADUAL (Peraturan 3)

SENARAI *RIQAB*

Jenis penerima agihan asnaf *Riqab* berikut adalah layak menerima bantuan zakat daripada asnaf *Riqab* melalui perantara mana-mana institusi, pusat, NGO islam dan individu perseorangan yang dibenarkan oleh undang-undang dan Hukum Syarak yang berfungsi melaksanakan tugas-tugas membebaskan, mengurus, melindungi, merawat dan memulih asnaf *Riqab* supaya dapat menjalani kehidupan sempurna secara Islam sebagaimana diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil 2/2011 bertarikh 14 Jun 2011 seperti berikut:

(A) Masalah Sosial

1. Terbelenggu dengan dadah
 - 1.1. Penagih dadah
 - 1.2. Bekas penagih dadah
2. Terbelenggu dengan masalah Jenayah Syariah
 - 2.1. Minum arak
 - 2.2. Zina
 - 2.3. Judi
 - 2.4. Khalwat
 - 2.5. Buang anak
 - 2.6. Mengandung luar nikah
 - 2.7. Mempersendakan al-Quran dan Hadith
 - 2.8. Sumbang mahram
 - 2.9. Persetubuhan
 - 2.10. Muncikari (Ibu Ayam)
 - 2.11. Menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam; dan
 - 2.12. lain-lain yang berkaitan Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

3. Terbelenggu dengan amalan salah Islam
 - 3.1. Tidak solat
 - 3.2. Tidak puasa
 - 3.3. Buang anak
 - 3.4. Usaha ingin bunuh diri
 - 3.5. Hidup bersama pelacur
4. Terbelenggu dengan gaya hidup songsang
 - 4.1. Pelacur
 - 4.2. Lesbian
 - 4.3. Mak nyah (Transeksual)
 - 4.4. Gay
 - 4.5. Homoseksual
 - 4.6. Gigolo
 - 4.7. Biseksual
 - 4.8. Pengkid
 - 4.9. Tomboy
 - 4.10 Bersekedudukan dengan orang bukan Islam
5. Terbelenggu dengan kes juvana
 - 5.1. Gengster
 - 5.2. Jenayah melibatkan harta benda
 - 5.3. Pergaduhan yang melibatkan kecederaan
 - 5.4. Kes rompakan
 - 5.5. Pecah rumah
 - 5.6. Kes rogol
 - 5.7. Jenayah yang melibatkan peralatan senjata yang berbahaya
 - 5.8. Ugutan yang melibatkan keganasan
6. Terbelenggu dengan penyakit kronik
 - 6.1. Penyakit HIV/Aids
 - 6.2. Kanser/barah
 - 6.3. Tibi
 - 6.4. Hepatitis; dan
 - 6.5. Penyakit-penyakit kronik lain

(B) Masalah Akidah

1. Terbelenggu dengan masalah syirik dan khurafat
 - 1.1. Doktrin palsu
 - 1.2. Mengaku menjadi Nabi
 - 1.3. Menghina Islam
 - 1.4. Pemujaan salah
 - 1.5. Mempersendakan al-Quran dan Hadith

-
2. Memurnikan Akidah Orang Islam Yang Terpesong
 - 2.1. Orang yang ingin atau berhasrat untuk murtad
 - 2.2. Orang yang dalam proses Istitabah

Dibuat 4 Julai 2013

[MAIS/SU/BUU/05/011/30; P.U. Sel. Am 0024/2012]

DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA
Pengerusi
Majlis Agama Islam Selangor

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

REGISTRATION, REHABILITATION AND CONTROL OF *RIQAB*
(STATE OF SELANGOR) REGULATIONS 2013

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II

RIQAB COMMITTEE

4. Establishment of *Riqab* Committee
5. Membership of *Riqab* Committee
6. Tenure of office of *Riqab* Committee
7. Vacancy in membership of *Riqab* Committee
8. Revocation of appointment and resignation of *Riqab* Committee
9. Appointment of alternate member of *Riqab* Committee
10. Functions of *Riqab* Committee
11. Meetings of *Riqab* Committee
12. Quorum
13. Notice
14. Attendance of representative
15. Attendance of non-member in meetings of *Riqab* Committee
16. Minutes
17. Allowances of *Riqab* Committee

PART III

RIQAB VISITING BOARD

Regulation

18. Establishment of *Riqab* Visiting Board
19. Membership of *Riqab* Visiting Board
20. Tenure of office of member of *Riqab* Visiting Board
21. Vacancy in membership of *Riqab* Visiting Board
22. Revocation of appointment and resignation of *Riqab* Visiting Board
23. Appointment of alternate member of *Riqab* Visiting Board
